



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

19 MAC 2025 (RABU)

Puluhan anjing liar ancam nyawa kanak-kanak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	22	19 Mac

22 NASIONAL
SINAR HARIAN • RABU 19 MAC 2025

Sinar TELUS & TULUS
APA KhabAR RAKYAT
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Penduduk di Kampung Tersusun Seri Kaya dan Kampung Ekor Bota, Bota resah dengan peningkatan populasi anjing liar yang mengganggu kehidupan harian mereka.

Gangguan haiwan itu bukan sekadar mengancam keselamatan, malah menjejaskan kebersihan dan keselesaan persekitaran.

Ikuti laporan wartawan Sinar Harian, NOOR AINON MOHAMED YUSOF menerusi kolum Apa KhabAR Rakyat bagi mendengar aduan penduduk itu.

Puluhan anjing liar ancam nyawa kanak-kanak



Kumpulan anjing liar berkeliaran di hadapan Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Kaya kerap dilihat mengganggu kanak-kanak ke sekolah.



NOR HANA



RAHIMI



NOREHAN

PENINGKATAN mendadak bilangan anjing liar di kawasan penempatan itu sejak dua tahun lalu menimbulkan kebimbangan lebih 200 penduduk setempat.

Suri rumah, Nor Hana Daud, 67, berkata anjing liar berkenaan dipercayai dari kebun kelapa sawit berhampiran dan menghampiri penempatan penduduk untuk mendapatkan makanan.

Katanya, berlaku kejadian lebih 10 anjing liar membunuh ternakan ayam dan itik miliknya.

"Saya sudah lama bela ayam dan itik untuk makan keluarga sendiri tetapi sejak tahun lalu, banyak ternakan saya mati digigit anjing walaupun dibela dalam kandang."

"Melihat kawasan ini agresif, saya pun tidak berani untuk berada di luar rumah berseorangan sama ada bercucuk tanam atau membersihkan halaman."

"Biasa waktu petang, saya jalan kaki ambil angin atau ke rumah jiran, sekarang sudah tidak berani lagi kerana bimbang diserang anjing liar ini," katanya.

Bagi pekerja swasta, Rahimi

Mohd Ariff, 38, tindakan segera perlu dilakukan apabila tiga anaknya kini trauma untuk bermain di halaman rumah.

Menurutnya, kejadian anaknya berusia tujuh tahun dikejar anjing di depan mata awal tahun lalu menyebabkan persekitaran kampung dirasakan sudah tidak lagi selamat.

"Anjing ini menyalak sambil mengejar anak saya yang bermain di halaman rumah. Anak saya luka pada kaki akibat terjatuh kerana lari takutkan anjing. Saya bersyukur ada di rumah ketika itu."

"Sekarang ini, saya tidak boleh terleka membiarkan mereka bermain bola dan berbasikal. Kena pantau selalu takut-takut anjing liar ini menyerang," katanya.

Tambah Rahimi, disebabkan trauma, anaknya yang lain berusia 10 dan enam tahun perlu dihantar ke sekolah yang terletak tidak sampai 100 meter kerana tidak mahu lagi berjalan kaki atau menaiki basikal seperti kebiasaannya.

Penduduk, Norehan Ahmad,



Anjing liar menjadikan halaman untuk tidur menyebabkan penduduk takut untuk keluar rumah.

60, berkata, pernah berlaku kejadian anjing melarikan pakaian yang disidai di ampaian.

Disebabkan kejadian tersebut, penduduk mengambil inisiatif membuat pengadang di pintu pagar supaya anjing tidak dapat masuk dan merosakkan kasut selain tidak perlu melakukan serti setiap hari.

"Saya sendiri terpaksa me-

ngeluarkan belanja mengupah orang untuk korek lubang dan dijadikan tempat membuang sampah supaya anjing tidak dapat selongkar tong sampah," katanya.

Tambah Norehan, dia bimbang apabila hari raya nanti, anjing liar itu akan mengganggu tetamu dan sanak saudara yang datang menziarahi nanti.

Penduduk terus hadapi gangguan anjing liar, JPKK mohon tindakan segera

PENGERUSI Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Ekor Bota, Mohamed Johari Mohamed Alwi berkata, aduan telah diajukan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Daerah Perak Tengah tetapi setakat itu sahaja.

"Kami dimaklumkan bahawa akan ada satu mesyuarat penyaluran antara pihak Pejabat Daerah bersama Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Perak Tengah tetapi setakat itu sahaja."

"Selagi tiada penyelesaian konkrit, penduduk terpaksa berdepan dengan risiko dan gangguan harian

yang datang daripada anjing liar yang semakin meningkat," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau juga menegaskan kepentingan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab menjaga haiwan peliharaan.

"Banyak kes anjing liar ini asalnya adalah anjing peliharaan yang dibuang atau untuk menjaga kebun.

Jika pemilik lebih bertanggungjawab, masalah ini boleh dikurangkan."

"Kaedah sterilisasi dan vaksinasi anjing liar boleh membantu mengawal populasi mereka tanpa perlu tindakan keras. Kita tidak mahu hanya kerana anjing liar ini, ia menjadi punca antara penularan rabies atau penyakit anjing gila," katanya.



MOHAMED JOHARI

Puluhan anjing liar ancam nyawa kanak-kanak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Online	-	19 Mac

Puluhan anjing liar ancam nyawa kanak-kanak

NOOR AINON MOHAMED

19 Mac 2025 09:30am

Masa membaca: 3 minit



PENDUDUK di Kampung Tersusun Seri Kaya dan Kampung Ekor Bota, Bota resah dengan peningkatan populasi anjing liar yang mengganggu kehidupan harian mereka.

Gangguan haiwan itu bukan sekadar mengancam keselamatan, malah menjejaskan kebersihan dan keselesaan persekitaran.

Ikuti laporan wartawan Sinar Harian, NOOR AINON MOHAMED YUSOF menerusi kolum Apa Khabar Rakyat bagi mendengar aduan penduduk itu.

Peningkatan mendadak bilangan anjing liar di kawasan penempatan itu sejak dua tahun lalu menimbulkan kebimbangan lebih 200 penduduk setempat.

Suri rumah, Nor Hana Daud, 67, berkata, anjing liar berkenaan dipercayai berasal dari kebun kelapa sawit berhampiran dan menghampiri penempatan penduduk untuk mendapatkan makanan.

Katanya, lebih 10 ekor anjing liar telah membunuh ternakan ayam dan itik miliknya.



Kumpulan anjing liar berkeliaran di hadapan Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Kaya kerap dilihat mengganggu kanak-kanak ke sekolah.

“Saya sudah lama membela ayam dan itik untuk keperluan keluarga, tetapi sejak tahun lalu, banyak ternakan saya mati digigit anjing walaupun berada dalam kandang.

“Melihat kawanan ini semakin agresif, saya pun tidak berani berada di luar rumah berseorangan, sama ada untuk bercucuk tanam atau membersihkan halaman.

“Biasanya pada waktu petang, saya berjalan kaki mengambil angin atau ke rumah jiran, tetapi kini saya tidak berani lagi kerana bimbang diserang anjing liar,” katanya.

Bagi pekerja swasta, Rahimi Mohd Ariff, 38, tindakan segera perlu diambil apabila tiga anaknya kini trauma untuk bermain di halaman rumah.

Menurutnya, kejadian anaknya yang berusia tujuh tahun dikejar anjing awal tahun lalu menyebabkan persekitaran kampung dirasakan sudah tidak lagi selamat.

“Anjing itu menyalak sambil mengejar anak saya yang sedang bermain di halaman rumah. Anak saya luka di kaki akibat terjatuh kerana cuba melarikan diri. Saya bersyukur berada di rumah ketika itu.

“Sekarang, saya tidak boleh leka membiarkan mereka bermain bola dan berbasikal. Saya perlu sentiasa memantau mereka kerana bimbang anjing liar ini menyerang,” katanya.

Tambah Rahimi, disebabkan trauma, anaknya yang lain, berusia 10 dan enam tahun, perlu dihantar ke sekolah yang terletak kurang 100 meter dari rumah kerana tidak lagi berani berjalan kaki atau menaiki basikal seperti kebiasaannya.

Puluhan anjing liar ancam nyawa kanak-kanak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Online	-	19 Mac

Penduduk, Norehan Ahmad, 60, pula berkata, pernah berlaku kejadian anjing liar melarikan pakaian yang disidai di ampaian.

Disebabkan kejadian itu, penduduk mengambil inisiatif membuat pengadang di pintu pagar supaya anjing tidak dapat masuk dan merosakkan kasut, selain mengelakkan mereka daripada perlu melakukan serti setiap hari.

“Saya sendiri terpaksa mengeluarkan belanja mengupah orang untuk menggali lubang bagi dijadikan tempat membuang sampah supaya anjing tidak dapat menyelongkar tong sampah,” katanya.

Tambah Norehan, dia bimbang apabila menjelang Aidilfitri nanti, anjing liar itu akan mengganggu tetamu dan sanak saudara yang datang menziarah.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Ekor Bota, Mohamed Johari Mohamed Alwi, berkata, aduan telah diajukan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan siasatan telah dilakukan pada November lalu, namun tiada tindakan lanjut diambil.

“Kami dimaklumkan bahawa akan ada satu mesyuarat penyelarasan antara Pejabat Daerah dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Perak Tengah, tetapi setakat itu sahaja.

“Selagi tiada penyelesaian konkrit, penduduk terpaksa berdepan dengan risiko dan gangguan harian akibat peningkatan jumlah anjing liar,” katanya kepada Sinar Harian.

Beliau juga menegaskan kepentingan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab menjaga haiwan peliharaan.

“Banyak kes anjing liar ini berpunca daripada anjing peliharaan yang dibuang atau dibiarkan berkeliaran untuk menjaga kebun. Jika pemilik lebih bertanggungjawab, masalah ini boleh dikurangkan.

“Kaedah sterilisasi dan vaksinasi anjing liar boleh membantu mengawal populasi mereka tanpa perlu tindakan keras. Kita tidak mahu hanya kerana isu anjing liar ini, ia menjadi punca penularan rabies atau penyakit anjing gila,” katanya.

Negeri Sembilan giat perkasa industri ternakan, jangka tingkat bekalan daging 15 peratus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Online	-	19 Mac

Negeri Sembilan giat perkasa industri ternakan, jangka tingkat bekalan daging 15 peratus



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan sedang giat memperkasakan industri penternakan bagi meningkatkan kadar sara diri (SSR) daging tempatan menerusi kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan agensi berkaitan, kata Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun.

Beliau berkata, untuk tujuan itu beberapa inisiatif utama telah dirancang termasuk pembangunan ladang tenusu bersepadu di Gemas dan projek penternakan berskala besar yang dijangka meningkatkan bekalan daging tempatan sebanyak 15 peratus menjelang 2030.

"Selain itu, kajian sedang dijalankan bagi memperluaskan penggunaan teknologi penternakan moden seperti sistem fidlot dan penggunaan data analitik bagi memaksimumkan produktiviti ternakan selain menarik lebih ramai usahawan tani dan generasi muda untuk menceburi bidang penternakan. "Saya yakin dan percaya melalui insentif khas, latihan kemahiran dan skim pembiayaan mikro serta sokongan daripada agensi berkaitan terutama dalam penggunaan teknologi terkini, industri ternakan akan terus berkembang dan mampu mengurangkan kebergantungan kepada import daging," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Mantai Rayo 2025 yang turut dihadiri Exco Kanan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias, di sini, pada Selasa.

Mengenai program berkenaan, Aminuddin berkata, ia diperluaskan ke semua 36 Dewan Undangan Negeri (DUN) bermula 26 hingga 28 Mac membabitkan bekalan 30 ke 50 lembu atau 3,600 kilogram daging dengan harga jualan sekitar RM30 hingga RM36 sekilogram.

"Konsepnya agak berbeza daripada tahun sebelum ini kerana pada tahun ini, ADUN di kawasan terlibat akan mengetahui pelaksanaan program bagi kawasan masing-masing dan menyelaras jualan daging segar supaya penduduk memperoleh daging pada harga yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata selain daging mentah, terdapat juga agihan bantuan barangan persiapan juadah raya seperti beras, minyak masak dan telur kepada 100 keluarga kurang berkemampuan di DUN masing-masing sempena program berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Aminuddin yang juga Ahli Parlimen Port Dickson menyifatkan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memberi perhatian kepada 10 projek di Negeri Sembilan sebagai suatu yang dinantikan sekali gus mempercepatkan lagi pembangunan di negeri ini.

Anwar menerusi catatan di Facebooknya tiga hari lepas dilaporkan meminta Kementerian Ekonomi untuk memberikan perhatian khusus terhadap 10 cadangan projek keutamaan di Negeri Sembilan, terutama berkaitan projek tebatan banjir.

-- BERNAMA

N.Sembilan giat perkasa industri ternakan, jangka tingkat bekalan daging 15 peratus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernamea	Online	-	19 Mac

N.Sembilan Giat Perkasa Industri Ternakan, Jangka Tingkat Bekalan Daging 15 Peratus



SEREMBAN, 18 Mac (Bernama) -- Kerajaan Negeri Sembilan sedang giat memperkasakan industri penternakan bagi meningkatkan kadar sara diri (SSR) daging tempatan menerusi kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan agensi berkaitan, kata Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun.

Beliau berkata untuk tujuan itu beberapa inisiatif utama telah dirancang termasuk pembangunan ladang tenusu bersepadu di Gemas dan projek penternakan berskala besar yang dijangka meningkatkan bekalan daging tempatan sebanyak 15 peratus menjelang 2030.

“Selain itu, kajian sedang dijalankan bagi memperluaskan penggunaan teknologi penternakan moden seperti sistem fidlot dan penggunaan data analitik bagi memaksimumkan produktiviti ternakan selain menarik lebih ramai usahawan tani dan generasi muda untuk menceburi bidang penternakan.

“Saya yakin dan percaya melalui insentif khas, latihan kemahiran dan skim pembiayaan mikro serta sokongan daripada agensi berkaitan terutama dalam penggunaan teknologi terkini, industri ternakan akan terus berkembang dan mampu mengurangkan kebergantungan kepada import daging,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Mantai Rayo 2025 yang turut dihadiri Exco Kanan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri Datuk Seri Jalaluddin Alias di sini hari ini.

Mengenai program berkenaan, Aminuddin berkata ia diperluaskan ke semua 36 Dewan Undangan Negeri (DUN) bermula 26 hingga 28 Mac membabitkan bekalan 30 ke 50 lembu atau 3,600 kilogram daging dengan harga jualan sekitar RM30 hingga RM36 sekilogram.

“Konsepnya agak berbeza daripada tahun sebelum ini kerana pada tahun ini, ADUN di kawasan terlibat akan mengetahui pelaksanaan program bagi kawasan masing-masing dan menyelaras jualan daging segar supaya penduduk memperoleh daging pada harga yang berpatutan,” katanya.

“Konsepnya agak berbeza daripada tahun sebelum ini kerana pada tahun ini, ADUN di kawasan terlibat akan mengetahui pelaksanaan program bagi kawasan masing-masing dan menyelaras jualan daging segar supaya penduduk memperoleh daging pada harga yang berpatutan,” katanya.

Beliau berkata selain daging mentah, terdapat juga agihan bantuan barangan persiapan juadah raya seperti beras, minyak masak dan telur kepada 100 keluarga kurang berkemampuan di DUN masing-masing sempena program berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Aminuddin yang juga Ahli Parlimen Port Dickson menyifatkan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memberi perhatian kepada 10 projek di Negeri Sembilan sebagai suatu yang dinantikan sekali gus mempercepatkan lagi pembangunan di negeri ini.

Anwar menerusi catatan di Facebooknya dua hari lepas dilaporkan meminta Kementerian Ekonomi untuk memberikan perhatian khusus terhadap 10 cadangan projek keutamaan di Negeri Sembilan, terutama berkaitan projek tebatan banjir.

-- BERNAMA

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**